



NOH (dua dari kanan) meninjau PPRT Kampung Pak Mahat di Tanjung Lumpur, semalam.

Perluas AVS di flat

Raja Norain Hidayah
Raja Abdul Aziz

rnorain@hmetro.com.my

Kuantan

Sistem Pencegahan Vandalisme (AVS) akan diperluaskan penggunaannya di semua flat di negara ini dalam usaha mengurangkan masalah salah laku.

AVS akan dipasang dalam lif merangkumi kamera litar tertutup (CCTV) dan kad akses yang hanya dikeluarkan kepada penghuni unit kediaman saja.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar berkata, AVS kini dilaksanakan di Lembah Klang dan akan diperluaskan ke seluruh negara secara berperingkat bermula tahun ini.

Katanya, melalui pelaksanaan AVS, pihaknya yakin masalah vandalisme yang sering dilaporkan di flat diatasi.

"Menerusi AVS, pengurusan flat dapat memantau aktiviti

■ Bendung masalah vandalisme di dalam lif

vandalisme dalam lif dan mengambil tindakan susulan dengan cepat.

"Kita akan memperkenalkan kad akses untuk penghuni unit kediaman di kawasan rumah berkenaan saja, bermakna mereka yang bukan penghuni tidak boleh memasuki kawasan berkenaan atau menggunakan kemudahan lif disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan Lawatan Kerja di Perumahan Pak Mahat, dekat sini, semalam.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Industri dan Asas Tani negeri Datuk Shafik Fauzan Sharif dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran negeri Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Pada majlis itu, Noh mengumumkan peruntukan RM5 juta bagi melaksanakan kerja penambahbaikan dan penyeleng-

garan serta menggantikan tangki air di kawasan perumahan.

Ditanya mengenai isu 7,000 unit rumah flat dan projek perumahan rakyat (PPR) yang belum didiami, Noh berkata, perkara itu akan diselesaikan da-

lam masa terdekat.

"Memang ada kira-kira 7,000 unit sedia dihuni oleh mereka yang layak, cuma menjadi masalah ialah kemampuan mereka (yang layak) membuat pinjaman dengan institusi kewangan," katanya.

FAKTA
AVS yang dipasang dalam lif merangkumi CCTV dan kad akses